

15 FEB 1999
Mahathir-Sabah
JAWATAN KM SABAH TERUS DIGILIR

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) akan meneruskan sistem penggiliran jawatan ketua menteri Sabah mengikut kaum sekiranya ia memperolehi semula mandat rakyat dalam pilihan raya negeri, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sistem itu diteruskan kerana ia terbukti berjaya kerana diterima rakyat Sabah, katanya kepada pemberita sekembali daripada menghadiri Sidang Kemuncak G15 di Montego Bay, Jamaica.

Beliau berkata demikian apabila ditanya adakah sistem penggiliran ketua menteri itu dikekalkan jika BN sekali lagi diberi mandat oleh rakyat dalam pilihan raya negeri itu yang dijangka diadakan bila-bila masa sekarang.

Sambil melahirkan keyakinannya BN akan memenangi pilihan raya itu, Dr Mahathir berkata sistem berkenaan perlu bagi Sabah kerana BN mendapati tiada satu kaum di negeri itu mempunyai kekuatan sendiri untuk memperolehi majoriti dan memerintah.

Oleh kerana kekuatan itu terbahagi kepada tiga kumpulan atau kaum, BN sedia memberi peluang kepada ketiga-tiga kaum itu memainkan peranan dalam pemerintahan di Sabah.

Ditanya keberkesanan sistem itu sejak BN memerintah Sabah empat setengah tahun, Dr Mahathir berkata: "Ia sangat bagus, yang saya nampak orang Sabah menerimanya, tentunya pada permulaan ada sedikit perasaan tidak puashati tetapi akhirnya ia berjaya dan tiada siapa boleh menafikannya."

Perdana Menteri yang akan melakukan lawatan ke Sabah Khamis ini berkata sejak BN memerintah negeri itu mengikut sistem berkenaan, keadaan di Sabah bertambah baik dan tidak seperti sebelumnya.

Semasa BN baru mengambil alih pemerintahan di Sabah selepas pilihan raya lepas, keadaan di Sabah pada masa itu kelihatan amat terkebelakang dengan ketiadaan lampu jalan malah Kota Kinabalu seperti bandar di negeri yang paling mundur, katanya.

Bagaimanapun, dengan adanya pemerintahan mengikut sistem itu, terdapat perubahan di Sabah.

Sistem penggiliran jawatan ketua menteri Sabah diperkenalkan sejak BN membentuk kerajaan negeri pada 17 Mac 1994. Sistem itu bertujuan memberi peluang kepada pemimpin tiga kaum utama -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina -- untuk menerajui kerajaan negeri, masing-masing, bagi tempoh dua tahun.

Mengikut sistem itu, ketua menteri yang pertama ialah Datuk Salleh Said Keruak yang mewakili kaum Bumiputera Islam, Datuk Yong Teck Lee yang mewakili kaum Cina dan Tan Sri Bernard Dompok yang mewakili Bumiputera bukan Islam.

"Saya akan meneruskan sistem penggiliran ini, kita telah berjanji kepada rakyat, dan kita akan terus berpegang kepada janji itu," katanya.

Ditanya di Sabah ada pendapat mengatakan parti pembangkang utama akan diterima masuk ke dalam BN, Dr Mahathir berkata: "Parti pembangkang kita tidak boleh terima kerana pendiriannya ialah hanya satu kaum berhak memerintah Sabah, itu satu sikap yang sempit sedangkan kita beri peluang kepada semua kaum untuk menyertainya (pemerintahan).

"Dulu kita terima (pembangkang)...dia punya pendirian jika menguntungkan dia hendak, jika rugi dia tak mahu. Sekarang ini dia nampak mungkin dia boleh untung dan kalau dia dakwa bahawa jika dia menang dia akan diterima masuk ke dalam BN, itu semua cara pancing undi. Kita tahu pendiriannya yang cuma satu kaum berhak memerintah," katanya.

Ditanya tentang ada parti pembangkang di Sabah mendakwa memperolehi 70 peratus sokongan rakyat negeri itu, Dr Mahathir berkata pembangkang boleh mendakwa macam-macam.

Ditanya mengenai lawatannya ke Sabah, Perdana Menteri berkata ia bagi membolehkan beliau membuat penilaian serta meninjau persediaan yang sedang dibuat serta mendapatkan pendirian komponen parti BN berhubung pandangan dan pemilihan calon-calon dalam pilihan raya negeri itu.

Ditanya bilakah pilihan raya negeri itu akan diadakan, Dr Mahathir berkata beliau belum tahu.

Menyentuh isu anti kerajaan persekutuan yang dibangkitkan oleh parti pembangkang negeri, Dr Mahathir berkata beliau merasa amat dukacita atas perbuatan itu kerana ia bukan satu cara untuk menjadi popular malah ia boleh menyebabkan ketegangan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.

Beliau menganggap perbuatan memancing undi pemimpin pembangkang itu secara sedemikian sebagai tidak bertanggungjawab.

"Dalam politik kita mesti bertanggungjawab, jika kita tidak bertanggungjawab maka kita akan menghadapi masalah," katanya.

Dr Mahathir berkata di sesetengah negara rusuhan berlaku kerana orang politik tidak bertanggungjawab membangkitkan isu-isu yang membakar semangat.

Oleh itu, kata beliau, ahli politik mesti bertanggungjawab.

"Kita tahu ada parti lawan yang dulu rapat dengan kerajaan persekutuan dan sanggup menyerahkan wilayah milik Sabah kepada kerajaan pusat tetapi kalau sekarang ia mahu menafikan (tindakannya) itu semua tidak guna.

"Sebenarnya mereka bila nampak untung baik dengan kerajaan pusat, maka baiklah sampai sanggup memberi wilayah," katanya.

-- BERNAMA

ARA RON